

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 31 TAHUN 2013**

---

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN  
PEMANDU LOKOMOTIF**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif yang sedang berkuat kuasa.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan bersetuju supaya skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif dipinda dan ditambah baik selaras dengan perubahan semasa. Pada masa kini, skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif diperuntukkan dengan Gred AA13, AA17/18, AA22 dan AA36. Walau bagaimanapun gred sedia ada tidak menepati keperluan sebenar perjawatan di Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS).

## PINDAAN

3. Skim Perkhidmatan Pemandu Lokomotif Gred AA13, AA17/18, AA22, AA36 yang berkuat kuasa dipinda seperti berikut:

<b>Perbekalan</b>	<b>Sedia Ada</b>	<b>Pindaan</b>
<b>Gred Jawatan</b>	Pemandu Lokomotif Gred AA13, AA17/18, AA22, AA36	Pemandu Lokomotif <b>Gred A13, A17/18, A22, A26</b>
<b>Syarat Lantikan</b>	-Tiada-	<b>Lantikan ke Gred A13</b>  (a) Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  (b) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/6 tanpa menggunakan cermin mata dan tidak buta warna; dan  (c) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat <b>Sijil Kelayakan Pemandu Lokomotif Jabatan Keretapi Negeri Sabah</b> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
<b>Syarat Kelayakan Bahasa Melayu</b>	-Tiada-	<b>Kepujian</b> dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PMR.

<b>Perbekalan</b>	<b>Sedia Ada</b>	<b>Pindaan</b>
<b>Syarat Lantikan</b>	<p><b>Lantikan ke Gred AA17</b></p> <p>(a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;</p> <p>(b) mempunyai penglihatan biasa tanpa kaca mata dengan ketetapan V6/6 bagi kedua-dua belah mata dan tidak buta warna; dan</p> <p>(c) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Enjin Keretapi Tanah Melayu atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>	<p><b>Lantikan ke Gred A17</b></p> <p>(a) <b>Kekal</b></p> <p>(b) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/6 tanpa menggunakan cermin mata dan tidak buta warna; dan</p> <p>(c) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat <b>Sijil Kelayakan Pemandu Lokomotif Jabatan Keretapi Negeri Sabah</b> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>
<b>Syarat Kelayakan Bahasa Melayu</b>	Lulus subjek Bahasa Melayu di peringkat SPM.	<b>Kepujian</b> dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM.
<b>Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL)</b>	(a) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam/Pekerja Awam Khas adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A13, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; dan	(a) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan <b>Pembantu Awam</b> (Penolong Pemandu Lokomotif) sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A13, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; dan

<b>Perbekalan</b>	<b>Sedia Ada</b>	<b>Pindaan</b>
	(b) lulus latihan dan ujian pemanduan yang dijalankan oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah;	(b) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat <b>Sijil Kelayakan Pemandu Lokomotif Jabatan Keretapi Negeri Sabah</b> atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
<b>PSL ke Jawatan</b>	Penghulu	<b>Mansuh</b>

4. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif yang sedang berkuat kuasa dikekalkan. Skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif yang baharu adalah seperti di **Lampiran A**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Minimum-Maksimum adalah seperti di **Lampiran C**.

#### **PELAKSANAAN**

5. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

6. Jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] akan melaksanakan perubahan jawatan dalam Senarai Perjawatan sedia ada.


#### **TARIKH KUAT KUASA**

7. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

## **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2013 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2012 (skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif sahaja) adalah dibatalkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah  
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah  
Pengurus Besar Keretapi Negeri Sabah

## LAMPIRAN A

### SKIM PERKHIDMATAN PEMANDU LOKOMOTIF

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PELAKSANA</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b>	<b>A13, A17/18, A22, A26</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b>	<b>1 NOVEMBER 2013</b>

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

#### **KELAYAKAN LANTIKAN KE PEMANDU LOKOMOTIF GRED A13**

- (c) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (ii) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/6 tanpa menggunakan cermin mata dan tidak buta warna; dan
- (iii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Lokomotif Jabatan Keretapi Negeri Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A13: RM906.00)

#### **KELAYAKAN LANTIKAN KE PEMANDU LOKOMOTIF GRED A17**

- (d) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (ii) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/6 tanpa menggunakan cermin mata dan tidak buta warna; dan
- (iii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Lokomotif Jabatan Keretapi Negeri Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: RM1227.86).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. (a) Calon bagi lantikan ke Pemandu Lokomotif Gred A13 hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (b) Calon bagi lantikan ke Pemandu Lokomotif Gred A17 hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Awam (Penolong Pemandu Lokomotif) sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A13, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan;
  - (a) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Lokomotif Jabatan Keretapi Negeri Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred A13 dan Gred A17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED A18**

11. Pemandu Lokomotif Gred A13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A18 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED A22**

12. Pemandu Lokomotif Gred A17/18 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A22 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED A26**

13. Pemandu Lokomotif Gred A22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A26 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif yang berkuat kuasa pada 1.1.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2012).



**FORMAT IKLAN JAWATAN**

Rujukan Fail:

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan\* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)

**LAMPIRAN C****JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN  
PENGANGKUTAN KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 NOVEMBER 2013  
SKIM PERKHIDMATAN PEMANDU LOKOMOTIF****(RM SEBULAN)**

<b>KOD GAJI KOMPUTER SSM</b>	<b>GRED GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
SSM305AA38000	A38	3,607.00	7,162.00	195.00
SSM305AA36000	A36	3,113.00	6,757.00	180.00
SSM305AA29000	A29	1,685.00	5,127.00	145.00
SSM305AA26000	A26	2,507.00	4,790.00	125.00
SSM305AA22000	A22	1,962.00	4,289.00	115.00
SSM305AA18000	A18	938.00	3,406.00	95.00
SSM305AA17000	A17	938.00	3,406.00	95.00
SSM305AA13000	A13	906.00	3,041.00	90.00